



## **KENYATAN MEDIA**

Semalam, 10 Julai 2019, watakah perlantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Perbadanan Labuan yang baru telah diserahkan kepada Dr Fary Akmal Osman.

Nama Dr Fary telah dimajukan oleh penal lima pegawai kanan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah menemuduga enam calon untuk jawatan berkenaan. Penal ini diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Saripuddin Kassim. Turut serta sebagai penal adalah Pengerusi Perbadanan Labuan, Datuk Seri Amir Husein.

Kelima-lima ahli penal temuduga telah sebulat suara membuat keputusan memilih Dr Fary sebagai calon paling sesuai untuk jawatan berkenaan. Ini adalah berdasarkan pengalaman dan kelayakan yang ada pada beliau.

Dr Fary pernah berkhidmat di luar negara dalam kapasiti sebagai pegawai tadbir dan diplomatik dan kemudiannya sebagai Penasihat Ekonomi di pejabat MITI di Bangkok. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Seksyen Perkhidmatan, Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan Malaysia.

Dr Fary mempunyai kelulusan ijazah sarjana muda dari Universiti De Montford, United Kingdom. Beliau kemudian memperolehi ijazah sarjana dari Universiti Waseda, Tokyo dan seterusnya ijazah PhD dari Universiti Kyoto, Jepun.

Saya berharap semua pihak, khasnya kakitangan Perbadanan Labuan memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Dr Fary dalam menjalankan tugas beliau. Kita berharap dan penuh yakin Dr Fary dapat memberikan yang terbaik untuk Labuan.

Sekian, terima kasih dan selamat bertugas kepada Dr Fary.

**KHALID ABD SAMAD**  
Menteri Wilayah Persekutuan  
Pada 11 Julai 2019